


# LAPORAN CUACA BERKAITAN KEJADIAN HUJAN LEBAT DI WP KUALA LUMPUR DAN SELANGOR PADA 10 SEPTEMBER 2020

## 1.0 PENGENALAN

Laporan cuaca ini ialah berkaitan dengan kejadian hujan lebat di WP Kuala Lumpur dan Selangor pada 10 September 2020.


## 2.0 ANALISIS CUACA

Berdasarkan pencerapan hujan di stesen meteorologi di WP Kuala Lumpur dan Selangor telah merekodkan kejadian hujan lebat (intensiti melebihi 20 mm/jam) bermula jam 2:00 petang. **Rajah 1** menunjukkan curahan hujan setiap jam yang direkodkan di Stesen Meteorologi FRIM Kepong dan Parlimen di WP Kuala Lumpur dan Stesen Meteorologi Pertanian Kalumpang, Hulu Selangor dan Tennamaran Estate, Kuala Selangor di negeri Selangor pada 10 September 2020.



**Rajah 1:** Curahan hujan setiap jam di lima buah Stesen Meteorologi di WP Kuala Lumpur dan Selangor.


Daripada pemantauan cuaca dan analisa imej radar dan satelit, pembentukan awan aktif mula terbentuk di sempadan WP Kuala Lumpur dan Selangor dan semakin berkembang pada jam 12:50 tengah hari. Pencerapan udara atas menunjukkan berlaku penumpuan angin lemah dari pelbagai hala yang menyumbang kepada pembentukan awan aktif dalam tempoh tersebut. **Rajah 2** ialah imej radar yang dicerap pada 1:35 tengah hari, 10 September 2020 iaitu semasa kejadian hujan lebat.



**Rajah 2:** Imej radar pada 1:35 tengah hari.

### 3.0 AMARAN CUACA

MET Malaysia telah mengeluarkan beberapa siri Amaran Ribut Petir bermula jam 12:45 tengah hari dan amaran terakhir pada jam 4:00 petang, 10 September 2020 yang merangkumi Selangor dan WP Kuala Lumpur. Amaran Cuaca yang dikeluarkan oleh MET Malaysia sentiasa dikemas kini dan disebarikan menerusi pelbagai medium seperti laman web, laman sosial Facebook dan Twitter serta SMS. **Rajah 3** menunjukkan grafik Siri Amaran Ribut Petir yang dikeluarkan dan disebarikan pada 10 September 2020.



**Rajah 3:** Siri amaran ribut petir yang dikeluarkan di WP Kuala Lumpur dan Selangor pada 10 September 2020

#### 4.0 KESIMPULAN

Kejadian hujan lebat yang berlaku di beberapa tempat di WP Kuala Lumpur dan Selangor adalah berpunca dari pembentukan intensif awan ribut petir yang disebabkan oleh penumpuan angin lemah dan pelbagai hala di WP Kuala dan Selangor. Pembentukan awan ribut petir yang intensif berlaku sekitar 2:00-5:00 petang. MET Malaysia telah mengeluarkan amaran kejadian ribut petir tersebut seawal 12:45 tengah hari, 10 September 2020.

**DISEDIAKAN OLEH:**

**JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA  
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR  
10 SEPTEMBER 2020**